MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
مجليس بنداراي ڤتاليڠ جايا

impactLution
partnering for change

KUMPULAN :
GREEN TROOPERS

# MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2025




**BIDANG : SOSIAL**
**KATEGORI : HYBRID**

**PROJEK MEWUJUDKAN PJ ECO RECYCLING PLAZA (PJERP) SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR KEPADA KOMUNITI MENERUSI PERKONGSIAN**

03-78658049 pjecorecyclingplaza@mbpj.gov.my pjecorecyclingplaza

| No : |
|---|

(Untuk Kegunaan Pejabat)

# BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

| LATAR BELAKANG KUMPULAN | |
|---|---|
| Nama Kumpulan | Green Troopers |
| Nama Organisasi | Majlis Bandaraya Petaling Jaya |
| Alamat | Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 21, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya, Selangor |
| No Telefon & Faks | 019-3935878 / 03-79600716 |
| E - Mel | nazatul_aini@mbpj.gov.my / mohdirfan@mbpj.gov.my |
| Tarikh kumpulan ditubuhkan | 5 Januari 2023 |
| Bilangan ahli | 8 Orang |
| Nama Ketua Kumpulan | Nazatul Aini Binti Hairoman |
| Nama Ahli | Noor Aisah Binti Sanodin<br>Syed Mohammad Syaharudin Bin Syed Noh<br>Mohamad Nazmi Bin Mahadi<br>Muhammad Fadhli Shah Bin Mohd Jahidan<br>Mohamed Ajmal Bin Mohamed Roslan<br>Faisal Bin Abdur Rani<br>Chee Lee Yoon |
| Nama Fasilitator<br>(sekiranya ada) | TPr. Zain Azly Bin Abdul Rahman, P.J.K |
| Nama projek | Projek Mewujudkan Pj Eco Recycling Plaza Sebagai Pusat Kecemerlangan Kelestarian Alam Sekitar Kepada Komuniti Menerusi Perkongsian |
| Bidang inovasi | Sosial |
| Kategori inovasi | Hybrid |
| Tarikh mula projek | 12 Januari 2023 |
| Tarikh siap projek | 11 Januari 2024 |

| PENGESAHAN KETUA JABATAN | |
|---|---|
| **Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :**<br><br>i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada....6 MAC 2025.......<br><br>ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada ..14 MEI 2024 | |
| **Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi**<br><br>..................................................<br><br>**Tarikh :**....17 April 2025.......... | **Cop Jabatan / Agensi**<br><br>HJ. MOHAMAD ZAHRI BIN HJ. SAMINGON<br>Datuk Bandar Petaling Jaya |

| PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN) |
|---|
| **Pengesahan Panel :**<br>Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada.................................dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.<br><br>**Tandatangan Panel Penilai**<br><br>........................................................<br>**Nama :**<br>**No. Kad Pengenalan:**<br>**Jawatan/Gred:**<br>**Jabatan/Agensi:**<br>**No.Siri:**<br>**Tarikh:** |

## ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
| --- | --- |
| **RINGKASAN EKSEKUTIF** | i |
| **2.0 SIGNIFIKASI PEMILIHAN PROJEK** | |
| a. Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan / Organisasi | 1 |
| b. Memenuhi Kehendak Pelanggan dan Pemegang Taruh (Stakeholder) | 2 |
| c. Sejajar Dengan Agenda dan Matlamat Nasional | 2-3 |
| d. Kaitan Dengan Keadaan dan Ekosistem Semasa | 3 |
| e. Kaedah Pemilihan Projek dan Analisis | 4 |
| f. Penyataan Sasaran Outcome dan Impak | 5 |
| **3.0 TINDAKAN PENYELESAIAN** | |
| a. Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan Tools | 5 - 6 |
| b. Penghasilan dan Pengujian Prototaip | 7 |
| c. Perakuan Daripada Pihak Bertauliah / Pihak Berkuasa | 8 |
| d. Pelaksanaan Inovasi | 8 |
| **4.0 KEBERHASILAN PROJEK** | |
| 4.1 Outcome Projek | 8 - 11 |
| a. Pencapaian Outcome dan Pembuktian | |
| b. Faedah Sampingan (Luar Jangka) | |
| 4.2 Impak Projek | 12 |
| a. Penilaian Impak dan Pembuktian | |
| b. Faedah Sampingan (Luar Jangka) | |
| **5.0 POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI** | |
| a. Tahap Ketersediaan Teknologi / Sistem / Proses | 13 |
| b. Tahap Replikasi atau Pengkomersialan | 13-14 |
| **LAMPIRAN** | |

**RINGKASAN EKSEKUTIF**

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya merupakan jabatan yang telah dipertanggungjawabkan bagi memberi perkhidmatan kutipan sisa domestik dan pembersihan awam di seluruh kawasan pentadbiran Majlis. Jabatan ini telah ditubuhkan pada bulan Februari 2015 selaras dengan arahan Kerajaan Negeri Selangor bagi melaksanakan tugas yang berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Di kawasan pentadbiran Petaling Jaya, terdapat lambakan barangan terpakai dan ketiadaan tempat pengumpulan bagi barangan tersebut. Berpunca dari masalah tersebut, maka wujudlah tempat - tempat pembuangan sampah haram yang telah mengakibatkan masalah kebersihan dan juga menjadi tempat pembiakan haiwan perosak dan juga haiwan berbisa.

Sehubungan itu, sebagai sebuah inisiatif simbolik di bawah konsep Ekonomi Kitaran untuk membangunkan Petaling Jaya menjadi pintar, mampan dan berdaya tahan menjelang 2030, Tuan pengarah telah mencadangkan untuk menubuhkan Kumpulan Inovasi dan Kreatif "*Green Troopers*" di dalam menangani masalah ketiadaan atau kekurangan aktiviti, program *Communication Education Public awareness (CEPA)* berkaitan kitar semula di Petaling Jaya dan menjadikan PJ Eco Recycling Plaza (PJERP) sebagai Pusat Kecemerlangan Kelestarian Alam Sekitar kepada Komuniti Menerusi Perkongsian. Sebuah pusat membeli-belah di Sweden iaitu *ReTuna Shoping Mall* dijadikan sebagai penanda aras kepada projek ini.

Kumpulan telah menggunakan kaedah Brainstorming, Analisa-Matrik, penjelasan 5W 1H di dalam pemilihan projek dan analisis. Projek ini mensasarkan peningkatan kehadiran pengunjung yang melibatkan diri dalam aktiviti hands on sebanyak **50%.** Di dalam tindakan penyelesaian, kumpulan telah menggunakan kaedah temubual, *Point of View (POV), SCAMPER*, Lakaran dan Prototaip. PJERP juga telah mendapat perakuan daripada pihak bertauliah/pihak berkuasa seperti Kerajaan Negeri Selangor, KDEB Waste Management Sdn. Bhd. dan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Dengan adanya kerjasama bersama rakan strategik, Impactlution dan Hara Makers, peningkatan pelawat ke PJERP adalah sebanyak **60.6%** berbanding tahun sebelumnya. Dari segi peningkatan taraf ekonomi pula, PJERP telah berjaya mengumpulkan jumlah jualan barangan terpakai bagi tahun 2023-2024 sebanyak **RM 63,329.00** dan sebanyak **62%** peningkatan dari tahun sebelumnya. Peningkatan penerimaan barangan kitar semula (kg) di Pusat Kitar Semula (Pandu Lalu) PJERP, sebanyak **52%** dan barangan terpakai (unit) sebanyak **68.4%.** Dengan adanya kemudahan Ini sebanyak **222,035 kg** sisa pepejal telah dielakkan daripada pelupusan di tapak pelupusan sampah dan penjimatan **RM2,580.00** bersamaan **155,424.5 kg** $CO_2$**-eq**. Ini menunjukkan terdapat peningkatan tahap kesedaran masyarakat setempat tentang kitar semula.

Impak kepada projek ini dapat menjadikan pengurusan lebih cekap dan efektif kepada pekerja untuk mencari barang, peningkatan taraf pendidikan di mana rakan strategik Impactlution dan Hara Makers menyediakan program-program teach-in penghasilan produk upcycle untuk komuniti dan dalam masa yang sama meningkatkan hasil jana pendapatan mereka. PJERP telah mendapat kelulusan untuk pengiktirafan **The Malaysia Book Of Records** sebagai Pusat Kelestarian Alam Sekitar Pertama oleh Pihak berkuasa Tempatan (PBT). PJERP juga menjadi contoh kepada PBT lain seperti Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

## 2.0 SIGNIFIKASI PEMILIHAN PROJEK

### a. Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan/Organisasi

Pengarah Jabatan memaklumkan bahawa Datuk Bandar Petaling Jaya telah bersetuju dan mengarahkan supaya mengambil sesuatu tindakan berkenaan pengurusan PJ Eco Recycling Plaza (PJERP) untuk dijadikan sebagai Pusat Kecemerlangan Kelestarian Alam Sekitar kepada komuniti secara perkongsian bersama pemegang taruh.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
مجليس بندارايا ڤتالیڠ جاي
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

No. Ruj : MBPJ(JPSP).700-8/17/2( )
Tarikh : 3 Januari 2023

**PUAN NAZATUL AINI BINTI HAIROMAN**
Penolong Pengarah Sisa Pepejal (Ekonomi Kitaran)
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Puan,

**ARAHAN MELAKSANAKAN PROJEK INOVASI YANG BERTAJUK PJ ECO RECYCLING PLAZA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR KEPADA KOMUNITI MENERUSI PERKONGSIAN BERSAMA PEMEGANG TARUH.**

Dengan segala hormat merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa hasil perbincangan saya bersama Datuk Bandar Petaling Jaya, beliau telah mengarahkan supaya mengambil sesuatu tindakan berkenaan pengurusan PJ Eco Recycling Plaza untuk dijadikan sebagai Pusat Kecemerlangan Kelestarian Alam Sekitar kepada komuniti secara perkongsian bersama pemegang taruh.

3. Susulan itu, beliau telah bersetuju supaya tindakan penyelesaian tersebut menggunakan kaedah inovasi yang akan dilaksanakan oleh Jabatan. Dimohon untuk Puan merancang dan menyelaras projek tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(TPr. LEE LIH SHYAN)**
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
lee@mbpj.gov.my

Surat persetujuan Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam untuk melaksanakan PJERP sebagai Pusat Kecemerlangan Kelestarian Alam Sekitar kepada komuniti secara perkongsian
**(Rujuk Lampiran 1)**




**Bahagian 3R dan Teknologi Hijau**

- Menjalankan program-program 3R, *spring cleaning* semasa musim perayaan di Malaysia (Hari Raya, Deepavali, Tahun Baru Cina dan Krismas).
- Melaksanakan program membina kapasiti termasuk CEPA (Communication, Education and Public Awareness).
- Melaksanakan kerja-kerja membaik pulih barang-barang kitar semula.
- Menyelaras program pengurusan karbon dan 3R menerusi aplikasi teknologi hijau.
- Melaksanakan pembangunan Projek Perintis Kitar Semula.
- Merancang program-program pembangunan berhubung kait dengan 3R.

**IMPACTLUTION**

**VISION**
To be a catalyst for global sustainability that exceeds global standards, empowers organizations, and inspires a culture rooted in environmental stewardship and social responsibility.

**MISSION**
To transform sustainability commitments into actionable, measurable, and impactful ESG initiatives that benefit businesses, communities, and the planet.

**HARA MAKERS**

Hara Makers:
Vision:
To create a sustainable and inclusive society by transforming waste into opportunities for environmental conservation, community empowerment, and education.

Mission:
To promote environmental sustainability through upcycling, empower communities with technology and resources, and drive long-term change by providing practical and sustainable waste reduction solutions.

Projek ini memenuhi ketiga-tiga misi dan visi jabatan yang bersama-sama melaksanakan program kesedaran dan pemerkasaan alam sekitar dan kitar semula khususnya di seluruh Petaling Jaya dan di Malaysia amnya.

**b. Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder)**


mbpj.gov.my/ms/mbpj/profil/piagam-pelanggan

| | | |
|---|---|---|
| 15 | JABATAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM | Memastikan sisa pepejal dikutip dengan kekerapan seperti berikut:<br>• Perumahan Bertanah – 3 kali seminggu<br>• Perumahan Bertingkat – Setiap hari<br>• Institusi – 6 hari seminggu<br>• Komersil/ Pusat Bandar/Gerai/Pasar – Setiap hari<br><br>Melaksanakan program kitar semula empat kali sebulan di PJ Eco Recycling Plaza.<br><br>Sampah yang dikutip dikitar semula dengan sasaran 12 tan sebulan. |

Projek ini juga mengambilkira piagam pelanggan iaitu memberikan perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan sistematik pada setiap masa semasa melaksanakan kutipan kitar semula. Melaksanakan tanggungjawab sosial melalui aktiviti kemasyarakatan bagi penduduk mengikut program ekonomi kitaran yang ditetapkan.

**c. Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional**




Menjadikan bandar berdaya tahan dan mampan yang juga menggalakkan pengurangan sisa, dan mengamalkan amalan mampan. Dengan mempunyai rakan strategik ia akan mengukuhkan cara pelaksanaan dan menghidupkan semula perkongsian global untuk pembangunan mampan.




Blueprint Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia 2025 - 2035

Program mewujudkan PJ Eco Recycling Plaza sebagai pusat kecemerlangan kelestarian Alam Sekitar komuniti menerusi pengkongsian adalah sejajar dengan **dasar** di bawah halatuju *Blueprint* Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal Di Malaysia 2025 - 2035 yang bertujuan menangani isu dan cabaran dalam pengurusan sisa pepejal ke arah ekonomi kitaran.

**i. PERINGKAT MAJLIS**

**A. Pelan Strategik Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2021 - 2025**




Bagi memenuhi Strategi 2 di dalam Teras 2, program - program seperti kebersihan dan keceriaan bandar seperti Kempen *Anti-Littering*, perkhidmatan kutipan berbayar sampah pukal/kebun dan program gotong-royong telah dijalankan dan telah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap tahap kebersihan dan keceriaan bandar.

## B. Bandaraya Berkarbon Rendah Petaling Jaya




*PJSSR 2030*

Bagi memenuhi PJSSR 2030, program - program kitar semula seperti Program Spring Cleaning, Pertandingan Kitar Semula dan Program Kitar Semula Styrofoam telah dijalankan dan telah mencapai sasaran Circular Economy Roadmap PJ yang mana dapat mengurangkan penjanaan Circular Economy Roadmap (CER) sebanyak 5% setiap tahun demi pencapaian 30% CER MBPJ menjelang Tahun 2030 menerusi perubahan kepada gaya hidup mampan dan aplikasi teknologi hijau.

## ii. PERINGKAT NASIONAL

### A. Dasar Kebersihan Negara (2021 Hingga 2030)




Dibawah Objektif meningkatkan kesedaran dan membudayakan amalan kebersihan dalam kalangan masyarakat dan menggalakkan inisiatif sisa sebagai sumber pendapatan *(waste to money)* ke arah ekonomi kitaran *(circular economy)* Dibawah strategi 1.2 menggalakkan penerapan amalan kebersihan di kawasan kediaman, persekitaran kerja, institusi pendidikan dan tempat awam.

### B. Low Carbon City Frame Work

Di bawah 3.4 infrastruktur bandar iaitu mengurangkan sisa yang dijana oleh pihak berkuasa tempatan dengan melaksanakan tindakan berkonsepkan 3R.

## d. Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa

Petaling Jaya kini berdepan dengan isu peningkatan jumlah sisa pepejal, khususnya dari sektor kediaman dan komersial. Kurangnya kesedaran tentang amalan 3R dan tanggungjawab alam sekitar.

| Imbas QR Untuk Rujukan | Keterangan |
|---|---|
| | Petikan berita daripada Astro Awani berkaitan isu pelupusan sampah di lembah klang Selangor, 16 Julai 2014 |
| | Currently, Malaysia's recycling rate stands at 35 per cent, falling short of the 40 per cent target set for 2025.<br>Nga highlighted the progress made since 2015, adding that the national recycling rate had more than doubled, from 15.7 per cent to 35.38 per cent in 2023. |
| | Menurut Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan, kertas dan plastik menyumbang sebahagian besar sisa di tapak pelupusan, bernilai ratusan juta ringgit dalam industri kitar semula. Namun, ramai rakyat Malaysia tidak menyedari nilai sampah mereka, menyebabkan kadar kitar semula hanya 31.52% pada 2021, walaupun kempen 3R telah dijalankan sejak 1990-an. Sebaliknya, negara maju mencapai kadar kitar semula melebihi 60% |
| | Retuna mall - pasaraya berkonsepkan kitar semula pertama didunia |

## e. Kaedah pemilihan projek dan analisis

### a. BRAINSTORMING

Kumpulan Green Troopers menggunakan Kaedah 'Brainstorming' dan telah mengenalpasti 10 masalah. **(Rujuk Lampiran 2)**




### b. KAEDAH ANALISA - MATRIK

| NO | MASALAH | KEUPAYAAN | KRITIKAL |
|---|---|---|---|
| 1 | Inovasi upcycling tidak dapat dijalankan disebabkan tempat dan lokasi sesuai | 6 | 9 |
| 2 | • Kekurangan kemudahan pusat kitar semula<br>• Masalah logistik<br>• Kurang pusat pendidikan berkenaan pusat kitar semula | 7 | 8 |
| 3 | Tiada pusat edukasi alam sekitar setempat untuk NGO | 6 | 9 |
| 4 | Tiada tempat khusus sampah pukal | 6 | 7 |
| 5 | Bangunan terbiar terlalu lama dan tiada penyewa kerana kawasan tanah rendah (banjir) | 1 | 3 |
| 6 | Tiada pusat pembelajaran kitar semula | 9 | 10 |
| 7 | • Peningkatan tan metrik sampah di tapak pelupusan<br>• Tidak adanya pengasingan sampah<br>• Kurang pendedahan ilmu kitar semula | 2 | 4 |
| 8 | Program Ecobrick Malaysia tiada tempat pengumpulan setempat | 3 | 5 |
| 9 | Kurang tempat "Drop-off" (Pandu lalu) pusat kitar semula | 8 | 10 |
| 10 | Kurang lokasi ruang untuk NGO/CSO Alam Sekitar | 4 | 6 |




Melalui sesi brainstorming, kumpulan telah mengenalpasti 10 masalah yang dihadapi di dalam pengurusan sisa pepejal dan kitar semula dan seterusnya melalui pendekatan Analisis Data Matriks dibuat berdasarkan aspek kritikal dan keupayaan kumpulan menangani masalah tersebut. Keputusan menunjukkan 4 masalah adalah yang paling penting dan telah disenarai pendek.

### PENJELASAN 5W 1H

Penjelasan istilah isu sangat penting supaya setiap ahli kumpulan dapat memahami dengan jelas makna isu projek kumpulan. Oleh itu Kumpulan menggunakan Kaedah Penjelasan 5W 1H untuk memberi penerangan setiap isu.

| | |
|---|---|
| **WHAT** | Ketiadaan pengasingan sampah sebelum pihak KDEBWM memungut sampah di premis |
| **WHERE** | Seluruh Petaling Jaya |
| **WHEN** | Sepanjang tahun |
| **WHY** | Tiada kesedaran terhadap ilmu pengasingan sampah di kalangan masyarakat |
| **WHO** | Warga kerja MBPJ, Orang awam dan NGO |
| **HOW** | Tiada pusat pembelajaran/ kurang program kesedaran |
| **HOW MANY** | Peningkatan 40,000 tan sampah domestik dimana 95% ke tapak pelupusan sampah |

**f. Penyataan Sasaran Outcome dan Impak**

Projek ini mensasarkan peningkatan kehadiran pengunjung yang melibatkan diri dalam aktiviti *hands on* sebanyak **50%** melalui penggunaan barang kitar semula dan seterusnya berupaya memberikan kesedaran penduduk terhadap penjagaan alam sekitar.

## 3.0 TINDAKAN PENYELESAIAN

**a. Strategi Penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tools**

**CARTA PERBATUAN**






**TEMUBUAL**

Kumpulan telah menemubual 3 orang bagi mendapatkan unsur empati dalam isu ketiadaan atau kekurangan aktiviti, Program CEPA berkaitan kitar semula dan kebanyakan Pusat Kitar Semula tidak menerima semua jenis barangan terpakai.

| | |
|---|---|
| <br>**NAMA** : HAZIQ IZZUDDIN<br>**UMUR** : 30<br>**PEKERJAAN :** PEKERJA SWASTA | Temubual 4 - Ibu Bapa Muda<br><br>P: Kalau ada tempat yang boleh ajar anak-anak tentang alam sekitar dan kitar semula, encik berminat?<br><br>OA: Sangat! Tapi mesti selamat dan ada aktiviti untuk anak-anak, bukan boring semata-mata tengok poster. |
| <br>**NAMA** : HOZAIMAH<br>**UMUR** : 46 TAHUN<br>**PEKERJAAN :** KONTRAKTOR | Temubual 2 - Warga Emas<br><br>P: Sekarang ada pusat kitar semula baru nak diwujudkan di Petaling Jaya. Kalau makcik diberi peluang ikut serta, makcik nak?<br><br>OA: Kalau ada orang tunjukkan cara dan papan tanda jelas, makcik nak juga. Tapi jangan susah-susah sangat. |

| | |
|---|---|
| <br>**NAMA** : LIONEL<br>**UMUR :** 18 TAHUN<br>**PEKERJAAN :** PELAJAR IPTS | P: Encik tahu tak tentang sebarang inisiatif kitar semula yang dibuat oleh MBPJ?<br><br>PS: Pernah dengar, tapi tak begitu jelas. Kadang ada nampak iklan, tapi saya tak tahu macam mana cara untuk sertai.<br>P: Jadi encik rasa maklumat tentang program kitar semula ni kurang sampai ke penduduk?<br><br>PS: Ya, betul tu. Kalau ada info yang senang nak akses, contohnya dekat media sosial atau dalam bentuk brosur, mungkin saya akan lebih ambil tahu.<br><br>P: Kalau wujud satu pusat kitar semula yang ada aktiviti komuniti, pameran, dan program keluarga - encik berminat nak sertai?<br>PS: Mestilah. Lagi-lagi kalau ada untuk budak-budak dan boleh bawa anak-anak. Sekarang pun mereka belajar sikit-sikit di sekolah. |

## POINT OF VIEW (POV)

| TEMUBUAL | MAKLUMAT MENARIK | PENEMUAN | KITA HENDAK BANTU |
|---|---|---|---|
| **EN. HAZIQ** | Mahu mendedahkan anak - anak kepada kepentingan kitar semula, tetapi tiada tempat yang sesuai dan selamat | Tiada lokasi mesra keluarga untuk belajar dan aktiviti kitar semula | Menyediakan ruang aktiviti dan program yang interaktif |
| **HOZAIMAH** | Ingin turut menyumbang kepada kelestarian, tetapi merasakan sistem kitar semula agak merumitkan. | Kesedaran tinggi, tetapi kekangan dari segi kefahaman simbol, jenis bahan dan kemudahan. | Menyediakan papan tanda yang mesra warga emas dan program pengenalan kitar semula. |
| **LIONEL** | Pernah dengar inisiatif MBPJ tetapi tidak tahu peranan mereka atau bagaimana untuk turut serta. | Kurang penglibatan komuniti kerana tiada sistem yang mudah difahami atau diakses | Menyediakan platform atau sistem yang ringkas dan mesra pengguna. |

## SCAMPER

| S<br>Substitute | C<br>Combine | A<br>Adapt | M<br>Modify | P<br>Put to Another Use | E<br>Eliminate | R<br>Rearrange |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pusat Pendidikan kitar semula dan Alam Sekitar | Gabungan NGO didalam merangka program aktiviti hand on | Program & aktiviti yang dilaksanakan disesuaikan dengan reka bentuk struktur yang sedia ada | Mengubah persepsi orang ramai terhadap program dan produk kitar semula | Menjadi Pusat Komuniti untuk kepelbagaian aktiviti | Mengurangkan bangunan terbiar di Petaling Jaya | Mewujudkan pusat kitar semula berkonsepkan pandu lalu |

### b. Penghasilan dan Pengujian Prototaip

#### a. Lukisan Prototaip PJ Eco Recycling Plaza

| ARAS BAWAH | ARAS SATU | ARAS DUA |
|---|---|---|
| i. Eco Lounge<br>ii. Galeria<br>iii. Bengkel<br>iv. Eco Shop<br>v. Pusat Kitar Semula (drop-off)<br>vi. Locker room<br>vii. Café<br>viii. Waste Treatment Facility | i. F&N Galeri<br>ii. Toys Libraries<br>iii. Studio AV Eco<br>iv. Studio Upcycling<br>v. Mini Library<br>vi. Denai Harta<br>vii. Denai Sumber<br>viii. Denai Kreatif<br>ix. Tandas<br>x. Surau | i. Kebuk Plastik<br>ii. Kebuk Kaca<br>iii. Kebuk Aluminium<br>iv. Co- work office<br>v. Kebuk Kertas<br>vi. Pantri |

| | | | |
|---|---|---|---|
|  |  |  |  |
| Lakaran kawasan luaran bangunan | Lakaran aras bawah | Lakaran aras 1 | Lakaran aras 2 |

#### b. Pelan Lengkap dan Pengesahan (Full Design)

| | |
|---|---|
|  |  |
| Ground Floor | First Floor |




Lukisan ini digunapakai untuk membina menjadikan kawasan setempat yang mempraktiskan penglibatan komuniti kitaran yang lebih lestari dan efisien

**c. Perakuan daripada pihak bertauliah/pihak berkuasa**

| | |
|---|---|
|  | Surat Sokongan Daripada **Kerajaan Negeri Selangor** Penghargaan bagi bangunan PJ Eco Recycling Plaza sebagai bangunan pusat kecemerlangan kelestarian Alam Sekitar (Centre Of Excellence For Sustainable Enviroment) **(Rujuk Lampiran 3)** |
|  | Perakuan **daripada KDEB Waste Management Sdn. Bhd.** Sokongan kepada inisatif Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi menjadikan bangunan PJ Eco Recycling Plaza bangunan pusat kecemerlangan kelestarian Alam Sekitar (Centre Of Excellence For Sustainable Enviroment) **(Rujuk Lampiran 4)** |
|  | Surat Sokongan Daripada **KPKT Pengiktirafan THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS** Bagi Bangunan Pj Eco Recycling Plaza sebagai bangunan pusat kecemerlangan kelestarian Alam Sekitar (Centre of Excellence For Sustainable Enviroment) Pertama di Malaysia di bawah PBT **(Rujuk Lampiran 5)** |

**d. Pelaksanaan Inovasi**



Kumpulan Green Troopers telah dilantik sebagai ahli kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Majlis Bandaraya Petaling Jaya tahun 2025 untuk mengemukakan Projek mewujudkan PJ Eco Recycling Plaza sebagai Pusat Kecemerlangan Kelestarian Alam Sekitar kepada Komuniti Menerusi Perkongsian.

## 4.0 KEBERHASILAN PROJEK

### 4.1 Outcome projek

**a. Pencapaian Outcome dan Pembuktian**

- **Penjimatan Kos Penyelenggaraan Ubahsuai**
  Mengekalkan konsep *Reuse* dengan menaiktaraf bangunan menjadi Plaza tanpa pengubahsuaian yang memakan kos yang besar.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PERMOHONAN KELULUSAN SEBUT HARGA BEKALAN / PERKHIDMATAN
(NILAI PEROLEHAN MELEBIHI RM2,001.00 - RM 10,000.00)

KEPADA: TIMBALAN DATUK BANDAR PETALING JAYA
DARIPADA: PENGARAH, JAB. PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

NO. PERUNTUKAN : TABUNG AMANAH 3R

TAJUK PEROLEHAN : MEMBEKAL, MEMBAIKPULIH DAN MENGGANTI AKSESORI "FLIPBOARD" DI PJ ECO RECYCLING PLAZA UNTUK JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

JUSTIFIKASI PEROLEHAN : UNTUK MENGGANTIKAN "FLIPBOARD" YANG TELAH ROSAK DI PJ ECO RECYCLING PLAZA

| BIL | MAKLUMAT PEMBEKAL | HARGA TAWARAN PEMBEKAL |
|---|---|---|
| 1 | LIAJ ENTERPRISE | 8,100.00 |
| 2 | IMPIAN TEGUH SERVICES | 8,600.00 |
| 3 | APPLIED BUSINESS TECHNOLOGIES SDN BHD | 8,900.00 |

NAMA PEMBEKAL : LIAJ ENTERPRISE
HARGA TAWARAN : 8,100.00

Sebutharga membaikpulih dan mengganti *flipboard* di PJERP



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PERMOHONAN KELULUSAN SEBUT HARGA BEKALAN / PERKHIDMATAN
(NILAI PEROLEHAN RM10,001.00 - RM 20,000.00)

KEPADA: DATUK BANDAR PETALING JAYA
DARIPADA: PENGARAH, JAB. PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

NO. PERUNTUKAN : TABUNG AMANAH 3R

| BIL | MAKLUMAT PEMBEKAL | HARGA TAWARAN PEMBEKAL |
|---|---|---|
| 1 | ZAFRAN ENGINEERING | 16,500.00 |
| 2 | E.JAL ENTERPRISE | 17,200.00 |
| 3 | NIZAR BERJAYA ENTERPRISE | 16,400.00 |

NAMA PEMBEKAL : ZAFRAN ENGINEERING
HARGA TAWARAN : RM 16,500.00

Sebutharga laci, soket dan memasang platform di PJERP

- **Penjimatan Kos Tenaga Pengajar**
  Bayaran kos tenaga pengajar (honorarium) adalah sebanyak RM200.00 - RM300.00. Manakala, kos tenaga pengajar daripada rakan strategik adalah percuma.

- **Penjimatan Sumber Manusia sebanyak 66%**

| SEBELUM | SELEPAS |
|---|---|
|  |  |

Bilangan pekerja yang diperlukan bagi kerja pengasingan barang kitar semula di drop-off berkurang daripada 3 orang pekerja kepada 1 orang pekerja

- **Peningkatan Produktiviti**

**Hara Makers**

| Perkara | Sebelum menjadi Rakan Strategik | | Selepas menjadi rakan strategik | |
|---|---|---|---|---|
| | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 |
| Jualan barangan upcycle dan program pendidikan alam sekitar (RM) | 2,859.30 | 3,8232.10 | 79,702.45 | 109,202.90 |
| Jumlah peserta menyertai program di bawah rakan strategik | 100 | 250 | 1,012 | 1,723 |

**Impactlution**

| Perkara | Sebelum menjadi Rakan Strategik | | Selepas menjadi rakan strategik | |
|---|---|---|---|---|
| | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 |
| Jualan barangan upcycle dan program pendidikan alam sekitar (RM) | 0 | 0 | 62,000.00 | 50,000.00 |
| Jumlah peserta menyertai program di bawah rakan strategik | 20 | 90 | 329 | 127 |

- **Peningkatan Kepuasan Pelanggan**
  PJ Eco Recycling Plaza telah menerima pelawat pelbagai negara seperti Korea, Taiwan dan Jepun sebagai salah satu tempat untuk melawat dan pembelajaran mengenali kitar semula.

**Rekod Pelawat (Buku Kedatangan)**





| Pelawat dari Korea | Pelawat dari Jepun | Pelawat dari Jepun |
|---|---|---|

**Survey Kepuasan**


BORANG SOAL SELIDIK PJ ECO RECYCLING PLAZA SS8 PETALING JAYA QUESTIONNAIRE FORM PJ ECO RECYCLING PLAZA SS8 PETALING JAYA

**Rujuk Lampiran 6**


KAJIAN SOAL SELIDIK MENGENAI PJ ECO RECYCLING PLAZA TAHUN 2024

Kumpulan mendapati seramai 44 orang pengunjung telah melakukan kajian selidik melalui kaedah google form.

- **Peningkatan Pelawat**

**Laporan Pelawat di PJ Eco Recycling Plaza**

| TAHUN | DEWASA | REMAJA / KANAK-KANAK | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|---|
| 2023 | 10,094 | 1,749 | **10,630** |
| 2024 | 13,869 | 2,495 | **16,364** |

Bil. Agensi Yang Melawat :
2023 : 109
2024: 99







| Purata peningkatan kehadiran pengunjung **Dewasa**: Tahun 2023 = **19%,** Tahun 2024 = **57.8%** | Purata peningkatan kehadiran pengunjung **remaja / kanak-kanak:** Tahun 2023 = **28%,**Tahun 2024 = **58.7%** |
|---|---|

- **Peningkatan Taraf Ekonomi**

**Laporan jualan barangan terpakai di PJ Eco Recycling Plaza**

| BULAN | JUMLAH 2023 (RM) | JUMLAH 2024 (RM) |
|---|---|---|
| JAN | 3,215.00 | 4,885.00 |
| FEB | 2,649.00 | 4,236.00 |
| MAC | 3,809.00 | 3,385.00 |
| APR | 1,595.00 | 1,558.00 |
| MEI | 712.00 | 2,899.00 |
| JUN | 1,702.00 | 2,112.00 |
| JUL | 2,533.00 | 2,860.00 |
| OGOS | 1,593.00 | 4,078.00 |
| SEPT | 1,741.00 | 3,100.00 |
| OKT | 1,662.00 | 3,200.00 |
| NOV | 1,322.00 | 4,010.00 |
| DIS | 1,433.00 | 3,040.00 |
| **JUMLAH KESELURUHAN (RM)** | **23,966.00** | **39,363.00** |




**Jumlah jualan keseluruhan:**

**RM 63,329.00**

**Purata peningkatan hasil jualan daripada tahun sebelumnya**

**62%**

**Laporan Barangan Terpakai/ Kitar Semula di PJ Eco Recycling Plaza**

| JENIS BARANGAN | TAHUN 2023 (kg) | TAHUN 2024 (kg) | JENIS BARANGAN | TAHUN 2023 (unit) | TAHUN 2024 (unit) |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas & Kotak | 42,498 | 41,275 | Barangan Elektronik Terpakai | 1,105 | 1,608 |
| Plastik Campur | 14,720 | 13,927 | Mainan Terpakai | 585 | 795 |
| Styrofoam | 769.5 | 415 | Buku/Majalah/Novel | 942 | 3,077 |
| Kaca & Seramik | 6,384 | 11,550 | Alat Tulis | 45 | 318 |
| Besi & Aluminium | 936 | 1,233.5 | **JUMLAH KESELURUHAN (unit)** | **2,677** | **5,798** |
| Bekas Kotak Minuman | 359 | 327 | | | |
| Pakaian Terpakai | 40,936 | 46,704 | | | |
| **JUMLAH KESELURUHAN (kg)** | **106,603** | **115,432** | | | |

Laporan menunjukkan peningkatan penerimaan barangan kitar semula (kg) sebanyak **52%**, manakala penerimaan barangan terpakai (unit) sebanyak **68.4%.** Ini menunjukkan peningkatan tahap kesedaran masyarakat setempat tentang kitar semula.

**b. Faedah sampingan (luar jangka)**




Dengan adanya kemudahan Pusat Kitar Semula (Pandu Lalu) di PJERP, sebanyak **222,035 kg** sisa pepejal telah dielakkan daripada pelupusan di tapak pelupusan sampah dengan penjimatan **RM2,580.00** bersamaan **155,424.5 kg $CO_2$-eq** dan penjimatan perbelanjaan keluarga B40 dengan pembelian barangan terpakai (pre-loved).

(Pengiraan Pelepasan Karbon mengikut kaedah disediakan oleh pihak MGTCC di **Lampiran 7**)

### 4.2 Impak projek

**a. Penilaian Impak dan Pembuktian**

- **Pengurusan Lebih Cekap dan Efektif**

  Pengurusan lebih cekap dan efektif memberi faedah kepada pekerja untuk mencari barang dengan lebih cepat dan sistematik.







- **Peningkatan Taraf Pendidikan**
  - i. Menyediakan program-program "*teach-in*" penghasilan produk upcycle untuk persatuan komuniti atau NGO yang berminat bagi meningkatkan hasil jana pendapatan mereka.
  - ii. Menyediakan ruang untuk melaksanakan program pendidikan teach-in atau seminar kepada pihak NGO, Persatuan Penduduk, RA / RT, syarikat swasta yang berminat dengan kadar harga yang sangat berpatutan.

|  |  |  |  |
|---|---|---|---|
| Bengkel upcycle Minyak Masak Terpakai | Bengkel "*Ecobricks*" | Bengkel pengasingan plastik sekali guna | Bengkel "*Glass Craft*" |

- **Peningkatan Taraf Hidup**

  Pemberian perabot terpakai kepada golongan keluarga B40 yang memerlukan






**b. Faedah sampingan (luar jangka)**






PJERP telah terpilih menjadi salah satu destinasi sempena Program Gagasan Rumpun Selangor Daerah Petaling pada 20 Jun 2024. DYTM Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor telah berkenan untuk menyantuni aktiviti upcyle yang disediakan bersama komuniti dan rakan strategik PJERP.

## 5.0 POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

### a. Tahap ketersediaan teknologi/ sistem/ proses

**Platform Digital : Bayaran Jualan Barangan Terpakai Secara Dalam Talian**





MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-79563544 Faks : 03-79581494

BIL PELBAGAI
YANG TELAH DIJELASKAN

Nama : MOHAMAD NAZMI BIN MAHADI
Alamat : JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM MBPJ JALAN TENGAH PJ
Id Pelanggan : 920910105103

No. Bil : A2024008498
Tarikh Bil : 15-05-2024
Kod Jabatan : 161100
Kod Hasil : 85128
Pengguna : 01525

| Perkara | Jumlah (RM) |
|---|---|
| AKAUN AMANAH TABUNG 3R<br>BAYARAN JUALAN BARANGAN DI PJ ECO RECYCLING PLAZA | 120.00 |
| JUMLAH | 120.00 |

MAKLUMAT BAYARAN
Tarikh Bayaran : 15-05-2024
No Resit : EP2202405007806
Kaunter : EP
Amaun Bayaran : RM 120

DISAHKAN OLEH

Bayaran dilakukan secara dalam talian melalui ePay@MBPJ







Barangan terpakai boleh dibeli di Eco Reloved MBPJ melalui laman sesawang https://ecoreloved.mbpj.gov.my

### b. Tahap Replikasi atau Pengkomersialan

**Pendaftaran MyIPO**

Projek ini telah pun didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di dalam mendaftarkan *Copyright* dan *Trademark.*



Fee Code TMA1

INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA
TRADEMARKS ACT 2019
REQUEST FOR PRELIMINARY ADVICE AND SEARCH

Note: Fee for this request is for one class. Please indicate number of classes requested

| | |
|---|---|
| 1 Nature of trademark (Non-traditional Mark, Collective Mark and Certification Mark is not applicable) | Word mark<br>Device mark<br>Combination of Word and Device<br>Shape mark / aspect of packaging.<br>Please write number of series in this box if the trademark is a series of trademark<br>(Note: maximum of 6 series only) |
| 2 Representation of trademark or graphic representation of the sign<br>If the space provided is insufficient, the representation may be made on a separate sheet which must be firmly annexed to this Form<br>Note: the size of the representation of the mark shall be more than 2cm x 2cm and not more than 10cm x 10cm | PJ ECO RECYCLING PLAZA |
| 3 Description of Trademark (Is required if the nature of trademark is Shape mark or their packaging) | |



INVOIS CUKAI DIPERMUDAHKAN

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
Unit 1-7 Aras Bawah Tower B
Menara UOA Bangsar
No 5 Jalan Bangsar Utama 1,
59000, Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603-2299 8400 Faks: 603-2299 8989
GST NO: 000869019648

MyIPO
RESIT RASMI

Diterima Daripada
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
TINGKAT 20, MENARA MBPJ, JALAN TENGAH Petaling Jaya 46200
Selangor (MY)

Butiran Resit Rasmi
Nombor Resit : RST/IP-009180-2021
Tarikh : 19/03/2021 15:15:40
Jumlah : 250.00

Rujukan
Pusat Bayaran : IBU PEJABAT-
No. Invois : 2093249
Catatan :

Butiran Bayaran

| Cara Bayaran | No Doc | Tarikh Doc | Amaun (RM) |
|---|---|---|---|
| PINDAHAN WANG ELEKTRONIK | 332479810M | 19/03/2021 | 250.00 |

| Keterangan | No pendaftaran | Kuantiti | Kos Per Unit | GST | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| TMA1 | PSA20210332 | 1.00 | 250.00 | 0.00 | 250.00 |

Cetakan Berkomputer Tidak Perlu Tandatangan
*Resit ini akan dianggap batal sekiranya cek tidak dapat ditunaikan.
Pelepasan di bawah Seksyen 56(3)(b) Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014

ROSLIZAWATI BINTI RAMLI
SALINAN PELANGGAN

**Menerima Pengiktirafan Malaysia Book Of Records.**

Projek ini juga telah mendapat kelulusan untuk pengiktirafan sebagai Pusat Kelestarian Alam Sekitar Pertama oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Majlis penyampaian pengiktirafan tersebut akan diadakan pada Sambutan Hari Bandaraya Petaling Jaya ke-19, 21 Jun 2025.



Siti Hajar <sitihajar.johor@malaysiarecords.com.my>
to Jwan, Malaysia, me
5:34 PM (8 minutes ago)

Assalammualaikum dan Salam Sejahtera Puan,

Setelah perbincangan terperinci bersama panel kami, dengan sukacitanya kami ingin memaklumkan bahawa permohonan anda telah diluluskan dengan tajuk rekod seperti berikut:

FIRST ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY CENTRE BY A LOCAL AUTHORITY

Dilampirkan bersama ialah surat pengesahan untuk tindakan pihak anda. Mohon kerjasama untuk melengkapkan surat tersebut dengan mengisi maklumat yang diperlukan, menandatangani, mengecop dengan cop rasmi syarikat dan mengembalikannya kepada kami untuk rekod rasmi.

Bagi langkah seterusnya, kami juga memohon jasa baik pihak anda untuk memberikan maklumat lengkap bagi majlis penyampaian sijil, termasuk tarikh, masa, tempat, dan atur cara majlis. Ini bagi membolehkan kami membuat persiapan sewajarnya untuk kehadiran pegawai kami.

Terima kasih.

**Menjadi contoh kepada Pihak Berkuasa Tempatan**

PJ Eco Recycling Plaza telah menerima kunjungan rasmi daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu seramai 3 orang pegawai. Lawatan tersebut telah diketuai oleh Nik Mohd Syahrom Bin Nik Md Hashim Setiausaha Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT). Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mendapatkan maklumat, berkongsi idea serta pengalaman berkaitan dengan pengurusan PJERP yang dilaksanakan Majlis bagi mewujudkan Pusat Kitar Semula di kawasan bawah seliaan MBKT.
**(Rujuk Lampiran 8)**



مجليس بنداراي كوالا ترڠݢانو
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
Menara MBKT,
No. 1, Jalan Warisan Tanjung 1,
20000 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.

Tel: 09-612 1111
Faks: 09-612 1212
http://mbkt.terengganu.gov.my

Rujukankami:( 81 )MBKT09/1-13 Pt.2
Bertarikh : 14 Oktober 2024
Bersamaan : 11 Rabiulakhir 1446H

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
Menara MBPJ, Jalan Tengah,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
(u/p : Tuan TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman –
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam)

Tuan,

**MEMOHON UNTUK MENGADAKAN LAWATAN KERJA KE PUSAT KITAR SEMULA, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuki.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu bercadang untuk mengadakan lawatan kerja ke Pusat Kitar Semula, Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 25 Oktober 2024 (Jumaat), jam 9.00 pagi.

3. Lawatan ini terdiri daripada 3 orang pegawai Majlis yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan Pengurusan Pusat Kitar Semula yang dilaksanakan oleh pihak tuan bagi pewujudan Pusat Kitar Semula (Recycle Center) di kawasan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan seterusnya berkongsi idea serta pengalaman berkaitan pusat kitar semula tersebut.

4. Bersama-sama ini dilampirkan senarai nama pegawai yang terlibat dalam lawatan kerja tersebut untuk makluman pihak tuan. Pertimbangan dan kelulusan daripada pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

***"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"***
***"MALAYSIA MADANI"***
***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(NIK MOHD SYAHROM BIN NIK MD HASHIM)**
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

*Bandaraya Warisan Pesisir Air*






**LAMPIRAN 1 (SURAT ARAHAN)**


**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**
مجليس بنداراي ڤتاليڠ جايا
**Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya,**
**Selangor Darul Ehsan.**

Tel : 603 - 7956 3544
Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020
E-mel : aduan@mbpj.gov.my
Laman web : www.mbpj.gov.my


No. Ruj : MBPJ(JPSP).700-8/17/2( )
